

17/11/2001

Pihak tentang kemajuan Orang Asli lupa asal usul: Dr M

PETALING JAYA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir menyifatkan pihak tertentu, terutama di luar negara, yang menentang usaha kerajaan memajukan Orang Asli dan mengekalkan kedaifan, sebagai golongan yang lupa asal usul mereka.

Perdana Menteri berkata, pihak itu terlupa sebenarnya keturunan orang yang tinggal dalam gua dan nenek moyang mereka dulu juga jauh ketinggalan.

Bagaimanapun, katanya, selepas nenek moyang mereka berusaha memperbaiki nasib masing-masing, keturunan itu hingga hari ini tinggal dalam rumah penuh kelengkapan dan peralatan.

"Tetapi mereka tidak mahu Orang Asli mendapat kemudahan sama (seperti mereka nikmati).

"Ini sikap yang amat teruk iaitu segala kebaikan untuk mereka, manakala segala keburukan untuk Orang Asli, kerana kononnya itu budaya Orang Asli, berbeza budaya orang maju, sedangkan orang maju pun dulunya mundur.

"Inilah sikap orang yang sukar menegur usaha membangunkan Orang Asli dan suku kaum lain," katanya pada majlis penyerahan kunci dan hak milik 147 unit banglo dan rumah teres dua tingkat kepada masyarakat Orang Asli Bukit Lanjan, di Damansara Perdana, hari ini.

Dr Mahathir berkata, nasib Orang Asli di sesetengah negara yang dikatakan maju sehingga hari ini amat buruk kerana mereka bukan saja dibunuh dan anak mereka dipisahkan, tetapi ditindas sehingga ada membunuh diri akibat tekanan hidup.

Bagaimanapun, katanya, Kerajaan Malaysia memberi perhatian khusus kepada Orang Asli, termasuk menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang mengambil berat nasib masyarakat Orang Asli.

"Sudah tentu proses ini mengambil masa. Tidak mengapa, asalkan kita berusaha sedikit demi sedikit, asalkan mereka dapat hak mereka. Kerajaan ada peruntukan mencukupi untuk Orang Asli," katanya.

(END)